



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA/KPPA/016 JLD18 (52)

Tarikh : 17 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM 'AI UNTUK RAKYAT' DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, YAB Perdana Menteri telah merasmikan Program 'AI Untuk Rakyat' pada 16 Januari 2024 di Universiti Putra Malaysia. Program ini adalah hasil kerjasama pihak MyDIGITAL Corporation (MyDC) dan Intel Corporation.

3. Program 'AI Untuk Rakyat' merupakan program pembelajaran secara dalam talian selama 4 jam bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap teknologi AI. Justeru, setiap penjawat awam di peringkat kementerian/jabatan/agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki melengkapkan program pembelajaran tersebut bagi memperoleh lencana 'AI Aware' dan 'AI Appreciate' sebagai langkah untuk memastikan peningkatan kesedaran penjawat awam terhadap penggunaan teknologi termaju. Penglibatan penjawat awam dalam Program 'AI Untuk Rakyat' ini dilihat berupaya untuk meningkatkan pencapaian pelaksanaan inisiatif pendigitalan oleh Kerajaan dalam perkhidmatan awam.

4. Program 'AI Untuk Rakyat' ini boleh dicapai menerusi portal AI Untuk Rakyat di pautan www.ai.gov.my. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan portal AI Untuk Rakyat ini boleh dikemukakan terus kepada pihak MyDC yang akan memberikan

maklum balas yang sewajarnya terhadap setiap pertanyaan pengguna menerusi alamat e-mel c4ir@mydigital.gov.my seperti yang tertera dalam portal tersebut atau e-mel contactus@mydigital.gov.my dan talian telefon bernombor 03-88618282.

5. Laporan penyertaan program 'AI Untuk Rakyat' di peringkat organisasi masing-masing hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi melalui emel radin.hambali@ekonomi.gov.my. Sesalanan laporan tersebut juga hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui emel johanna.zainal@jpa.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai-pegawai berikut:

- (a) Puan Laila Khalidah binti Ismail.
Pengarah,
Bahagian K-Ekonomi, Kementerian Ekonomi,
khalidah.ismail@ekonomi.gov.my; dan/atau
- (b) Encik Radin Shah Izuan bin Radin Mohd Hambali.
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian K-Ekonomi, Kementerian Ekonomi.
radin.hambali@ekonomi.gov.my


6. Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri